

'Najib tiada kepentingan peribadi, kewangan'

Peguam bela maklum pertuduhan terhadap bekas PM menyalahi undang-undang

Putrajaya: Mahkamah Rayuan semalam dimaklumkan, pertuduhan berhubung salah guna kuasa terhadap Datuk Seri Najib Razak dalam kes SRC International Sdn Bhd, adalah salah dan menyalahi undang-undang.

Pasukan peguam bela Najib diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata ini kerana bekas Perdana Menteri itu tidak mempunyai kepentingan peribadi mahupun kewangan ketika beliau mempengerusikan mesyuarat Kabinet yang membincangkan jaminan kerajaan untuk SRC mendapatkan pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

"Najib sebagai Perdana Menteri adalah pengerusi Kabinet, yang juga kerajaan pada masa itu. Hakim bicara, Mohd Nazlan Mohd Ghazali adalah 100 peratus terkhilaf untuk membuat kesimpulan bahawa beliau menggunakan kedudukannya untuk sebarang suapan.



Najib tiba di pekarangan di Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

"Sebagai Perdana Menteri ketika itu, Najib adalah *first among equals* dalam Kabinet. Pada akhirnya, Kabinet yang akan membuat keputusan secara kolektif.

"Ia bukan keputusan oleh seorang individu (Najib), Perdana Menteri, menteri kewangan atau wakil Kementerian Kewangan Diperbadankan (MoF Inc)," katanya.

Muhammad Shafee berkata, ia menjadi gangguan keseluruhan kerana Najib dikatakan mengambil bahagian dalam mesyuarat Kabinet pada 2011 dan 2012 untuk mendapatkan bagi pihaknya RM42 juta daripada

dana RM4 bilion itu, yang disalurkan melalui KWAP kepada SRC.

"Kami berpendapat tidak ada kaitan antara keputusan dibuat untuk meluluskan jaminan kerajaan dan suapan yang dimaksudkan," katanya sambil menambah Najib sudah diprejudiskan dan berada dalam keadaan yang merugikan.

Muhammad Shafee berhujah demikian di hadapan panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil pada prosiding rayuan bekas Perdana Menteri itu terhadap sabitan dan hukuman penjara kerana penyalahgunaan dana SRC Internatio-

nal sebanyak RM42 juta, semalam.

Turut bersidang, Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

Pada 28 Julai tahun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib selepas mendapati beliau bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan pecah amanah jenayah (CBT), pengubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukan membabitkan RM42 juta dana milik SRC International.

Pendengaran rayuan itu bersambung hari ini. BERNAMA